

# Warta Penerangan

www.information.gov.bn

Edisi Kesebelas  
November 2010

Terbitan Jabatan Penerangan

## Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Bengkel Perhubungan Awam, Penulisan Artikel, Fotografi dan Newsletter



Para peserta kursus bergambar ramai bersama Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dan Pengarah Pentadbiran Am dan Kewangan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis, Awang Haji Majid bin Haji Awang Damit.

Seramai 30 pegawai dan Pegawai Perhubungan Awam dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (KHELNP), Kementerian Perhubungan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Polis Diraja Brunei (PDB) menamatkan Bengkel Perhubungan Awam, Penulisan Artikel, Fotografi dan *Newsletter*.

Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil telah diadakan di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan pada 28 November.

Tetamu kehormat majlis Pengarah Pentadbiran Am dan Kewangan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis, Awang Haji Majid bin Haji Awang Damit.

Dalam ucapannya, tetamu kehormat berkata pendedahan kepada teknik-teknik penulisan adalah penting untuk menghasilkan artikel-artikel yang berkualiti dan mempunyai nilai berita dan dapat menarik minat serta perhatian

pembaca. Pendedahan itu perlu kerana secara langsung kualiti artikel yang disediakan juga akan mencerminkan imej yang boleh meningkatkan serta menjatuhkan kredibiliti organisasi tersebut.

Beliau juga mengingatkan para peserta bengkel bahawa tugas sebagai seorang Pegawai Perhubungan Awam (PRO) bukan hanya melayani karenah orang ramai, tetapi juga menjadi barisan hadapan serta mempromosikan imej baik kementerian dan jabatan.

Sementara itu Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dalam ucapan alu-aluannya menegaskan bahawa menjaga imej yang baik memerlukan usaha yang berterusan melalui pelbagai cara antaranya menggunakan media dengan bijaksana.

Tambahnya lagi, seorang PRO bertanggungjawab untuk memberikan maklumat yang betul dan tepat serta menghubungkan mereka dengan barisan pegawai yang

mempunyai kuasa untuk memberikan jawapan dan penjelasan penuh, cekap dan berpengetahuan dalam membantu media mendapatkan jawapan bagi setiap persoalan yang berkaitan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah dipimpin oleh peserta bengkel, Awang Haji Wahab bin Haji Abdullah dari KHELNP. Seterusnya penyampian sijil dan hadiah kumpulan terbaik disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan.

Bengkel selama tiga hari itu bertujuan untuk memberikan pendedahan serta kefahaman mengenai teknik-teknik asas tatacara penulisan rencana, fotografi dan penerbitan *newsletter* secara praktikal.

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

**Penasihat**

Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong  
Hajah Noorashidah Haji Aliomar

**Ketua Pengarang**

Sastra Sarini Haji Julaini  
Haji Dayang Haji Kassim

**Ahli Sidang Pengarang**

Noriah Haji Abdul Hamid  
Hajah Noorhijrah Haji Idris  
Hajah Zaianit Haji Noorkhan  
Aidah Hidop  
Hajah Apsah Haji Sahdan

**Penyumbang Berita**

Mohd Nizam Abdullah  
Hajah Norpisah Md Salleh  
Nur Amalina Jennifer Abdullah Mok  
Haji Mahmud Hafidzie Haji Masood  
Ismalee Haji Abdul Rahman  
Faridah Haji Kaderi  
Fa'ezah Hayati Haji Abd. Rahman  
Norainah Ibrahim  
Asnah Diwa  
Bahagian-bahagian  
Cawangan Daerah-daerah

**Penyemak**

Hajah Norpisah Md Salleh

**Penyelaras Online**

Haji Ariffin Mohd Noor

**Fotografi**

Bahagian Fotografi  
&  
Audio Visual  
Bahagian Perhubungan Awam  
&  
Perkhidmatan Media  
Bahagian Berita Inggeris

**Reka Letak**

Hajah Apsah Haji Sahdan

# Sekapur Sirih

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera*

Bulan November merupakan bulan yang penuh dengan aktiviti bagi Jabatan Penerangan sama ada yang berhubung kait dengan aktiviti dalaman dan juga luaran telah dirancang pada awal-awal tahun lagi. Keseluruhan perancangan dan projek telah dilaksanakan dengan melibatkan seluruh warga Penerangan sama ada melalui bahagian masing-masing ataupun penglibatan jabatan dengan jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian yang lain.

Jabatan Penerangan yang telah diamanahkan sebagai Sekretariat Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan dalam usahanya untuk memartabatkan Perhubungan Awam telah tidak kendur-kendurnya mengadakan pelbagai usaha yang bertujuan untuk memantapkan lagi institusi perhubungan awam di negara ini.

Antara lain Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan kerajaan pada bulan ini telah menganjurkan Bengkel Perhubungan Awam, Penulisan Artikel, Fotografi dan Surat Berita yang disertai oleh seramai 30 orang pegawai dan pengamal perhubungan awam daripada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Perhubungan, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penerangan. Bengkel antara lain bertujuan untuk memberikan pendedahan teknik penulisan bagi menghasilkan penulisan yang berkesan dan mempunyai nilai berita, membuat surat berita dan juga menghasilkan foto yang berkualiti yang boleh meningkatkan imej dan kredibiliti sesebuah organisasi. Bengkel berlangsung selama tiga hari.

Dalam usaha meningkatkan kapasiti dan kemahiran sumber tenaga kerja, Jabatan Penerangan telah menghantar perwakilan ke Forum 'Creative Economy' antarabangsa yang berlangsung di Thailand pada 29 November. Forum yang dihadiri seramai kira-kira 1200 orang itu antara lain bertujuan untuk membincangkan bagaimana pertumbuhan sektor ekonomi kreatif dapat menyumbang dan menjana ekonomi sesebuah negara. Forum yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Thailand itu adalah juga sebagai inisiatif Thailand dan langkah ke arah mengemukakan 'Creative ASEAN' seperti yang pernah disuarakan oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN sebelum ini.

Dalam hubungan yang sama, Jabatan Penerangan juga telah menghantar seorang kakitangan Jabatan Penerangan yang fasih berbahasa Jepun untuk mengikuti Program Pertukaran Lawatan ke Negara Matahari Terbit itu.

Jabatan Penerangan dalam usahanya menghargai jasa dan komitmen warganya juga telah mengadakan Majlis Meraikan Penerima-penerima Pingat Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah menerima pingat masing-masing pada 21 Oktober, di Balai Singhsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman. Dalam majlis tersebut seramai lapan orang menerima Pingat Jasa Kebaktian (PKJ), lapan orang menerima Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) dan 24 orang menerima Pingat Kerja Lama (PKL). Semoga mereka yang telah menerima anjakan pingat akan terus berkhidmat dengan cemerlang dan terus mencurahkan bakti kepada bangsa, negara dan agama.

Dalam hal tugas utamanya, Jabatan Penerangan terus menyemarakkan fungsinya di bidang kenegaraan dengan memantapkan lagi aktiviti taklimat penghayatan falsafah Melayu Islam Beraja melalui media Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) bagi sekolah-sekolah rendah di Daerah Temburong pada 23 November 2010. Taklimat bertujuan untuk membentuk para remaja terutamanya di sekolah-sekolah menengah dan rendah sebagai rakan penerangan dalam sama-sama menyebarkan maklumat dan menanamkan semangat kenegaraan dan bertanggungjawab.

Dari sudut kesukanan pula, Jabatan Penerangan telah berjaya mempertahankan kejuaraan Kejohanan Tarik Kalat Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan Di Bawahnya bagi kategori 'A' 800 kilogram dengan menewaskan Pasukan Polis Diraja Brunei. Diucapkan syabas dan tahniah kepada pasukan Tarik Kalat Penerangan di atas kejayaan itu. Begitulah antara aktiviti yang berlangsung di sepanjang bulan November ini. Lebih banyak lagi acara yang akan berlangsung yang melibatkan Jabatan Penerangan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung pada bulan mendatang, insya-Allah.

**Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong**  
Pengarah Penerangan

**Isi Kandungan**

- Majlis Penutupan Rasmi dan Penyampaian Sijil Bengkel Perhubungan Awam, Penulisan Artikel, Fotografi dan Newsletter	1
- Majlis Meraikan Penerima Pingat bagi kakitangan Jabatan Penerangan - Senarai Penerima Pingat	3
- Forum 'Creative Economy' Antarabangsa, Thailand	4
- Program Pertukaran Lawatan ke Jepun	5
- Majlis Penyerahan Poster Sambutan Hari Polis Ke-90 - Program Rakan Remaja Penerangan (RRP)	6
- MRO bertugas pada bulan November - Jabatan Penerangan Juara Tarik Kalat 800 Kilogram	7
- Selamat Hari Lahir	8

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012 atau 2382548

Atau e-mel terus ke [wartapenerangan@gmail.com](mailto:wartapenerangan@gmail.com)

Layarilah laman web PELITA BRUNEI melalui:  
<http://www.pelita-brunei.gov.bn>  
E-mail: [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)  
Keluarnya setiap 3 kali seminggu (Isnin, Rabu dan Sabtu)

## Majlis Meraikan Penerima Pingat bagi kakitangan Jabatan Penerangan



Para penerima pingat Jabatan Penerangan bergambar kenangan bersama Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Jabatan Penerangan telah mengadakan majlis meraikan penerima pingat bagi kakitangan jabatan sebagai tanda penghargaan dan tahniah kepada pegawai-pegawai yang terpilih menerima pingat Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis berlangsung di Dewan Pengiran Setia Negara pada 13

November. Hadir di majlis tersebut ialah Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Melayong. Majlis dimulakan dengan ucapan oleh Pengarah Penerangan diikuti ucapan wakil pegawai dan kakitangan disampaikan oleh Dayangku Hajah Fatimah binti Pengiran Haji Md Noor, Penolong Penyunting Tingkat I, Bahagian Pelita Brunei.

Dengan anugerah tersebut diharapkan akan dapat memberikan

suntikan semangat yang berterusan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing terhadap jabatan, bangsa dan negara, di samping sentiasa memberikan komitmen yang tinggi terhadap tugas-tugas yang telah diamanahkan kepada kita sebagai warga Perkhidmatan Awam.

Diakhir majlis mereka yang diraikan juga berkesempatan bergambar ramai bersama Pengarah Penerangan.

## Penerima Pingat Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan

Seluruh warga Jabatan Penerangan mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai yang telah terpilih menerima anugerah pingat Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64 Tahun, pada hari Khamis 13 Zulkaedah 1431 bersamaan 21 Oktober 2010, di Balai Singahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman.

### PINGAT JASA KEBAKTIAN (PJK)

Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong - SMB, PSB, PKL  
 Awang Haji Muhammad Yusof bin Haji Mohd Yassin - PIKB, PKL  
 Awang Haji Abd Rahman bin Haji Kalong - PIKB, PKL  
 Awang Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi - PIKB, PKL  
 Pengiran Hajah Fatimah binti Pengiran Haji Md Noor - PIKB, PKL  
 Dayang Jeniffer Foo Lan Fah @ Pui Lan Pah - PIKB, PKL  
 Awang Abd Hakim bin Haji Ibrahim - PIKB, PKL  
 Awang Othman bin Haji Tengah - PIKB, PKL

### PINGAT INDAH KERJA BAIK (PIKB)

Awang Sahari bin Akim  
 Awang Yahya bin Haji Putra  
 Awang Abu Bakar bin Haji Abd Rahman  
 Pengiran Emran bin Pengiran Haji Salleh  
 Awang Alias bin Haji Kalong  
 Awang Bazlan bin Haji Besar  
 Awang Mohd Suhud bin Haji Bungsu  
 Awang Haji Musa bin Haji Md Yassin

### PINGAT KERJA LAMA (PKL)

Awang Kassim bin Haji Abd Rahman - PIKB  
 Awang Masri bin Osman  
 Awang Ishak bin Haji Othman  
 Awang Abdullah bin Asgar@Askar  
 Awang Rafae'e bin Ya'akub  
 Awang Roslan bin Haji Mohd Daud  
 Awang Mohd Nizam bin Abdullah  
 Awang Abd Rahman bin Haji Mat Yassin  
 Awang Haji Narip bin Haji Bostan  
 Awang Haji Abdurazak bin Ghani  
 Awang Lim Ting Tiang  
 Awang Abdullah bin Sabang  
 Awang Akui bin Anam  
 Awang Mohd Zulaidi bin Haji Muhammad @ Gee Piang Kui - PIKB  
 Awang Esa bin Sabli/Sabali  
 Awang Kamal Abdul Nasir bin Majin  
 Awang Haji Abd Mumin bin Haji Madin  
 Awang Suhaili@Saipol Bahrin bin Haji Mat Zin  
 Awang Hassim bin Haji Murah  
 Awang Haji Musa bin Haji Md Yassin  
 Dayangku Hajah Saidah binti Pengiran Haji Omarali - PIKB  
 Dayang Normah binti Haji Tumar  
 Dayang Mariana bin Jais  
 Dayang Timah binti Orang Kaya Bandar Haji Ali - PIKB

## Forum 'Creative Economy' Antarabangsa



Tuan Yang Terutama Abhisit Vejjajiva, Perdana Menteri Thailand (tengah) semasa majlis pembukaan rasmi forum berkenaan. Di sebelah kiri beliau Dr. Supachai Panitchpakdi, Sekretari UNCTAD Agung dan Tuan Yang Terutama Alongkorn Ponlaboot, Timbalan Menteri Perdagangan Thailand.



Delegasi Negara Brunei Darussalam bersama Tuan Yang Terutama Alongkorn Ponlaboot, Timbalan Menteri Perdagangan Thailand, selaku pengerusi Forum 'Creative Economy' Antarabangsa semasa majlis makan malam bagi meraikan para peserta.

Forum 'Creative Economy' Antarabangsa Thailand telah diadakan pada 29 dan 30 November 2010 bertempat di Centara Grand Hotel, Bangkok. Forum dianjurkan oleh Jabatan Intelektual Properti, Kementerian Perdagangan Thailand adalah yang pertama kali pernah diadakan dan telah dihadiri oleh 1200 orang peserta terdiri dari kreatif profesional, pakar akademik dan delegasi dari negara-negara ASEAN termasuk Negara Brunei Darussalam.

Tujuannya adalah untuk membincangkan bagaimana pertumbuhan sektor 'Creative Economy' dapat menjana ekonomi sebuah negara. Ianya juga sebagai inisiatif Thailand dan langkah awal ke arah mengemukakan idea 'CREATIVE ASEAN' yang pernah disuarakan semasa mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi (AEM) ASEAN di Petchaburi, Thailand pada tahun 2009.

Forum ini telah dibuka rasmi oleh Tuan Yang Terutama Abhisit Vejjajiva, Perdana Menteri Thailand yang juga memberikan *keynote address*. Semasa forum ini beberapa orang pakar membentangkan kertas kerja termasuk dari WIPO, UNDP, UNCTAD, Tuan Yang Terutama Alongkorn Ponlaboot, Timbalan Menteri Perdagangan Thailand dan Tuan Yang Terutama S Pushpanathan, Timbalan Sekretari Agung Sekretariat ASEAN.

Delegasi Brunei Darussalam diwakili oleh Awang Helmi bin Haji Zainal, Ketua Bahagian Pengurusan, Perkembangan Kapisiti dan Tugas-tugas Khas, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Berita sumbangan: Awang Helmi bin Haji Zainal, Ketua Bahagian Pengurusan, Perkembangan Kapisiti dan Tugas-tugas Khas.



Delegasi ASEAN termasuk Negara Brunei Darussalam bergambar bersama Puan Pajchima Tanasanti, Director General, Jabatan Intelektual Properti, Kementerian Perdagangan Thailand semasa majlis makan malam bagi delegasi ASEAN di Hua Hin Resort.

## Mengikuti Program JENESYS for CREATORS



Gambar-gambar kenangan bersama peserta-peserta yang turut sama dicalonkan dalam Japan - East Asia Network of Exchange for Students and Youths (JENESYS) 2009/2010.

Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam telah mencalonkan saya sebagai peserta dalam Japan - East Asia Network of Exchange for Students and Youths atau singkatannya JENESYS bagi 2009 / 2010 yang berlangsung selama 38 hari bermula dari 4 Julai hingga 11 Ogos 2010. Program ini merupakan program pertukaran seni dan kebudayaan di bawah naungan *The Japan Foundation*.

Di atas sokongan Setiausaha Kedua di Kedutaan Jepun Negara Brunei Darussalam, Mr. Sato Akira, saya telah diterima sebagai peserta dari Negara Brunei Darussalam dan ditempatkan di bawah *Institute of Journalism di The Asahi Shimbun*, sebuah syarikat surat khabar yang kedua terbesar di Jepun.

Saya bertolak meninggalkan Brunei pada 4 Julai 2010 dan tiba keesokan hari di negara matahari terbit tersebut.

Ketibaan saya di ANA Hotel disambut oleh Hoashi Aki, salah

seorang penyelaras program JENESYS for CREATORS. Saya ditempatkan bersama 16 orang peserta dari Asia Timur yang lain di Akasaka Weekly Mansion yang kebanyakannya merupakan "performing artists" dan "curators".

Setelah sesi suai kenal, kami semua memulakan program masing-masing dan saya mula ditempatkan di bawah jagaan Institute of Journalism, The Asahi Shimbun sebagai seorang pelatih. Saya berharap akan dapat mempelajari selok-belok "photojournalism" selama saya berada di Asahi Shimbun.

Selama menjalankan program tersebut, saya berpeluang mengikuti Pengarah Institute of Journalism, Sakuma Yasuo pergi ke beberapa tempat di Tokyo. Musim panas di Jepun merupakan musim yang penuh dengan perayaan, dan saya sempat pergi ke perayaan bunga seri pagi (*morning glory*) yang dinamakan Asagao-ichi di kawasan Kuil Iriya Kishimojin di Ueno.

Selain itu saya juga berpeluang menaiki pesawat khas milik The Asahi Shimbun untuk pergi mengambil gambar upacara perasmian kejohanan besbol sekolah tinggi peringkat wilayah di Fukushima dari udara. Saya juga dihantar ke Fujikyu Highland Park di wilayah Yamanashi untuk liputan *press preview* tarikan terbaru yang bertemakan *Evangelion World*. Pengarah Sakuma juga membenarkan saya mengikuti Bengkel Photo Essay anjuran The Asahi Shimbun bertempat di Muzium Fotografi Metropolitan Toky di Ebisu, dan juga liputan semasa pemilihan wakil rakyat bagi Parlimen.

Saya ditempatkan di The Asahi Shimbun selama 14 hari dari 7 hingga 21 Julai bagi saya mempelajari konsep dan peraturan-peraturan dalam photojournalism.

Berita sumbangan:  
Dayang Hernie Suliana Haji Othman,  
Jurugambar

## Program Rakan Remaja Penerangan (RRP)



Sebahagian para jemputan yang hadir semasa Program Rakan Remaja Penerangan (RRP), yang berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Temburong.



Nyanyian ramai lagu patriotik 'Bendera Negara' oleh murid-murid Sekolah Rendah Sultan Hassan, Bangar, Daerah Temburong.

**T**aklimat kenegaraan, penghayatan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan menerapkan kesedaran sivik kepada semua lapisan masyarakat khususnya di kalangan remaja merupakan antara produk Jabatan Penerangan dalam menyalurkan maklumat kepada masyarakat.

Selain produk-produk tersebut, Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) juga tidak kurang pentingnya bagi mendedahkan golongan remaja untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan.

Sehubungan dengan itu Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengukayahkan Program RRP. Program dilancarkan di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Temburong pada 23 November.

Hadir di majlis tersebut ialah Pengarah Penerangan, Dr.

Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, para guru besar dan juga murid-murid sekolah-sekolah rendah Daerah Temburong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah dan diteruskan dengan nyanyian ramai Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu patriotik 'Bendera Negara' daripada murid-murid dari Sekolah Rendah Sultan Hassan Bangar.

Ketua Jabatan Penerangan Daerah Temburong, Awang Haji Mohd. Hassan bin Haji Ismail seterusnya menyampaikan ucapan alu-aluan yang antara lain menyentuh mengenai tujuan Program RRP yang merupakan kesinambungan kepada projek yang telah diungkapkan oleh Jabatan Penerangan bermula sejak tahun 2006.

Tambahnya, menerusi Program RRP akan dapat membentuk remaja

terutama di sekolah-sekolah menengah dan rendah sebagai rakan penerangan dalam sama-sama menyebarkan maklumat dan menanamkan semangat kenegaraan serta rasa tanggungjawab sosial.

Apa yang diharapkan jelasnya lagi, Program RRP akan menjadi wadah pembentukan minda dan moral remaja, memupuk semangat patriotisme, semangat kekitaan dan nilai-nilai positif dengan kerjasama daripada beberapa agensi yang berkaitan termasuk pihak sekolah untuk kejayaan ke arah melahirkan tunas bangsa berkualiti seiring dengan wawasan negara.

Antara atur caranya ialah persembahan lagu asli Brunei, ceramah kenegaraan, sketsa drama 'Buat Pilihan Bijak', nyanyian koir, lawak jenaka, kuiz RRP dan penyampaian cenderahati kepada guru-guru besar sekolah-sekolah rendah Daerah Temburong.

## Pegawai Penghubung Media (MRO) yang bertugas pada bulan November

Pegawai Penghubung Media atau Media Relations Officer (MRO), salah sebuah unit di Bahagian Perkhidmatan Media yang bertugas mengawal selia, menyelaraskan serta memantau pergerakan media dalam acara-acara yang melibatkan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta

kerabat diraja yang lain.

MRO bertugas untuk memastikan liputan majlis tertentu akan berjalan dengan teratur dan kemas serta mengikut peraturan dan ketetapan yang sedia ada. Ia juga memastikan setiap pengamal media mematuhi etika kewartawanan, baik dari segi berpakaian dan liputan.

04 November	TECHXPO di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.
07 November	Majlis Penyampaian Anugerah Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Isteri Hajah Saleha di Istana Nurul Iman.
12 November	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke luar negara di Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas.
17 November	Majlis keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Ibadah Qurban di Jame' 'Asr Hassanil Bolkhiah.
22 November	Ketibaan lawatan negara Presiden Demokratik Rakyat Lao di Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas.  Majlis Mengadap lawatan negara Presiden Demokratik Rakyat Lao di Istana Nurul Iman.
24 November	Bertolak balik lawatan negara Presiden Demokratik Rakyat Lao di Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas.

## Jabatan Penerangan Juara Tarik kalat Kategori 800 kilogram

Pasukan Jabatan Penerangan berjaya mempertahankan kejuaraan Kejohanan Tarik Kalat Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan Di Bawahnya bagi kategori 'A' 800 kilogram, dengan menyingkirkan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) di peringkat akhir.

Kategori 'B' 1100 kg pula milik PDB setelah menundukkan pasukan Jabatan Perkhidmatan Elektrik juga dalam pusingan akhir. Kejohanan tersebut berlangsung di padang Kompleks Sukan Berakas pada 28 November.

Tempat ketiga bersama Kategori 800 kilogram ialah JPE B dengan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara dan tempat ketiga dalam Kategori 1100 kilogram diraih oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) dan Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN).

Berangkat mengurniakan hadiah-hadiah kepada para pasukan yang berjaya ialah Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun



Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz menyempurnakan penyampaian hadiah kepada wakil pasukan Jabatan Penerangan.

Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz selaku tetamu kehormat.

Kejohanan itu dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik dengan kerjasama Persatuan Tarik Kalat Kebangsaan Brunei Darussalam.

Sejumlah 12 buah pasukan di bawah Jabatan Perdana Menteri

menyertai kejohanan tersebut iaitu lima pasukan Kategori 800 kilogram dan tujuh pasukan dalam Kategori 1100 kilogram.

Terdahulu, perlawanan akhir kejohanan itu bermula dengan pusingan separuh akhir melibatkan lapan buah pasukan, empat pasukan bagi kategori 800 kilogram dan empat pasukan untuk 1100 kilogram.

## Pasukan Tarik Kalat Jabatan Penerangan



Pasukan Tarik Kalat Jabatan Penerangan bergambar ramai bersama Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

## Selamat Hari Lahir

Awang Haji Liman bin Haji Rahim	1 November
Awang Balang bin Gelawat	1 November
Awangku Mohd. Zainismandy bin Pengiran Haji Ismail	1 November
Dayang Nurul Hazawani binti Abu Omar	2 November
Awang Samle bin Haji Jait	8 November
Awang Abdullah bin Asgar	9 November
Dayang Nuruljannah binti Hassan	10 November
Dayang Siti Maifazura binti Maikal	14 November
Awang Abu Bakar bin Haji Mohd. Said	15 November
Pengiran Haji Bahar bin Pengiran Haji Omar	16 November
Awang Haji Narip bin Haji Bostan	18 November
Awang Azman bin Haji Abdul Rahim	19 November
Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris	20 November
Dayang Hernie Suliana binti Haji Omar	20 November
Dayang Hajah Noor Alipah binti Haji Abdul Rahman	21 November
Dayang Nur Amalina Jennufer binti Abdullah Mok	23 November
Dayang Ramlah binti Mohd. Nor	25 November
Awang Haji Musa bin Mohd. Yassin	28 November
Awang Kamal Abdul Nasir bin Majin	30 November